

Profesor Emiritus Datuk Abu Bakar Hamid bercakap tentang budaya berfikir, khasnya dalam konteks sistem pendidikan kita, dari peringkat rendah hingga ke peringkat universiti. Dia juga mengkritik cara berfikir tidak betul di kalangan pemimpin masyarakat kita – dalam politik dan juga pentadbiran. Abu Bakar Hamid pernah menjadi Timbalan Naib Canselor (Perjawatan dan Akademik) Universiti Malaya, pernah menjadi Pengerusi Bernama, pernah mengajar di universiti di Amerika Syarikat, dan telah bersara tetapi kini dijemput semula menjadi Ketua Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.

MASA diwakili oleh Dinsman dan Sutung Umar Rs, menemuinya di pejabatnya.

Semua Peringkat Malas Berfikir

Budaya berfikir tidak berlaku di peringkat atas lagi, bukan saja di peringkat bawah. Cara kita membuat keputusan menunjukkan bahawa kita tidak menghormati sains, tidak menghormati eksperimen. Itu yang menjadi masalah besar dalam masyarakat kita. Orang dah malas nak berfikir, tak mahu berfikir, tak anggap pemikiran itu satu perkara yang bernilai, kecuali pemikiran yang mendatangkan wang. Kerana itu kursus-kursus di universiti pun pada masa akan datang semuanya mengarah kepada perniagaan, perusahaan dan sebagainya.

Sekarang orang menyebut masalah pengangguran siswazah. Dikatakan siswazah yang salah. Mereka tak boleh berfikir, tak tahu membaca, tak boleh berkomunikasi, tak tahu bahasa Inggeris dan sebagainya. Memanglah. Masalahnya apakah mereka ini dididik dalam bidang-bidang ini di universiti? Tidak. Apakah pelajar jurutera itu dididik berkomunikasi?

Sebenarnya yang asas pada sistem pendidikan kita adalah berfikir, membaca, menulis. Matematik itu termasuk logik dan berfikir. Kalau kita tahu matematik, maknanya kita tahu logik, dan logik itu asas berfikir. Tetapi pada

hari ini sistem sekolah kita tidak lagi menggalakkan orang berfikir.

Cucu saya bersekolah darjah tiga. Cikgu bagi latihan – disenaraikan nama buah-buah, dan di sebelah kanannya ‘masam’ atau ‘manis’. Pada buah mempelam, cucu saya pilih ‘manis’, kerana tiap-tiap kali emak dia beli mempelam dia makan rasa manis. Cikgu kata salah. Jawapannya mesti masam. Jadi, apakah kita mengajar anak kita berfikir? Budak-budak ini bagaimana? Dia nak gunakan otak dia, berdasarkan pengalaman dia bahawa buah mempelam yang dia makan itu manis, atau dia nak dengar cakap cikgu, bahawa buah mempelam itu masam?

Hal-hal seperti ini, yang berlaku di sekolah, yang berlaku dalam kehidupan ini, menjadikan orang kalau dia nak betul, nak dapat seratus peratus, dia akan tulis ‘masam’. Kalau dia tulis ‘manis’, cikgu beri dia markah zero.

Kalau Tak Sokong, Mesti Parti Lawan

Contoh lain, misalnya cikgu suruh ‘bulatkan’, tapi dia *underline*. Jawapannya betul, tapi salah pada cikgu, kerana dia tidak ‘bulatkan’. Jadi sekolah sudah terlalu *rigid*. Kita semua sudah terlalu *rigid*. Ini A atau B. Tidak ada C atau D. Antara A dan B itu apa? Kita tidak pernah berfikir itu, dan tidak pernah menganggap itu penting.


Sama ada betul atau salah. Awak kalau tak parti ini awak parti itu. Orang macam saya ini susah hidup di dunia pada hari ini. Barangkali saya dah nak habis umur ni tak apalah. Tapi yang muda-muda kalau mahu mengikut fikir macam saya, tak boleh. *You* sokong ini atau *you* tak sokong. Kalau *you* tak sokong *you* mesti parti lawan. Jadi, sistem kita dalam hal ini daripada sekolah lagi: *yes or no*, hitam atau putih, itu sahaja. Ini satu masalah besar yang kita hadapi di Malaysia pada hari ini. Kita tidak menggalakkan orang berfikir, dan yang samar-samar antara hitam dengan putih itu berapa ratus ribu warna ada di antaranya itu, kita tak anggap itu wujud, kita tak anggap itu penting, kita tak anggap itu boleh membezakan di antara satu sama lain.

Saya mula mengajar pada tahun 1963. Antara pelajar saya yang pertama masuk universiti tahun 1963 dengan pelajar tahun pertama tahun ini, bezanya antara langit dengan bumi – dari segi kematangan berfikir, kemahiran membaca, jumlah bahan yang dibaca, dan apa-apa yang dibaca. Bezanya antara bumi dengan langit. Jadi, siapa yang nak disalahkan?

Mewakulkan Kerja Berfikir Kepada Orang Tertentu

Orang tidak berfikir di dalam sistem. Saya beri satu contoh. Sekolah di Malaysia pada umumnya kita kenal dua sistem. Satu sistem Inggeris (Anglo-Saxon) dan satu sistem Amerika. Sistem Amerika sekolah 12 tahun, universiti 4 tahun, jumlah 16 tahun. Sistem British sekolah 13 tahun, universiti 3 tahun – 16 tahun juga. Jadi kita apabila nak pindah daripada satu sistem kepada satu sistem, kita tak kira sistem itu.

Waktu kita perlukan pelajar, kita kurangkan sistem di universiti daripada 4 tahun kepada 3 tahun, sampaikan Fakulti



Jadi kita sudah ikut sistem perwakilan, mewakulkan kerja berfikir itu kepada orang-orang tertentu sahaja. Kita dah tak perlu berfikir lagi. Semuanya ditentukan.

Kejuruteraan pun diturunkan daripada 4 tahun kepada 3 tahun; sedangkan pada waktu itu di banyak negara, termasuk Britain sendiri, mereka nak tambah daripada 4 tahun kepada 5 tahun, kerana pelajar-pelajar Kejuruteraan mahu diajar juga kursus-kursus *management* dan kemanusiaan; kerana apabila keluar nanti mereka bukan sahaja akan menguruskan mesin tetapi mereka juga akan menguruskan manusia. Jadi mereka juga mesti tahu tentang manusia.

Pada waktu itu ada beberapa orang profesor kejuruteraan berjumpa saya, dia kata laporan daripada pemeriksa luar mereka menyatakan bahawa kursus itu tidak mencukupi tiga tahun, sepatutnya mesti empat tahun, dan di negara mereka mahu ditambah kepada lima tahun. Saya pun pergi jumpa Datuk Najib, waktu itu Menteri Pendidikan, saya beritahu tiga tahun ini tidak memadai.

Kata Datuk Najib, “Ini dekan-dekan semua sudah bermesyuarat, dan Dekan Kejuruteraan sudah setuju.”

Jadi, semua orang tidak lagi mahu bertanggungjawab mengemukakan fikiran sendiri, walaupun dia dekan, dia dengar cakap menteri, ya menteri betul! Semua rakyat begitu jugalah. Studen pun cakap profesor mesti betul. Jadi kita sudah ikut sistem perwakilan, mewakulkan kerja berfikir itu kepada orang-orang tertentu sahaja. Kita dah tak perlu berfikir lagi. Semuanya ditentukan.

Sepatutnya di universiti pensyarah mestilah mahu menerima pendapat yang berlainan, kritikan daripada pelajar,

kritikan daripada pencyarah lain dan sebagainya. Sekarang kita terlalu menekankan *stamp* autoriti. Kalau dia autoriti dia betul. Tak kiralah. Kerajaan buat keputusan tak rasional, tak betul, kerana kita tidak mahu berfikir.

Natijah dan Padah Pemerintahan Dr. Mahathir

Saya seronok akhir-akhir ini Dr. Mahathir menyebut orang Umno tidak lagi berfikir sendiri dan tidak lagi berani menyatakan pendapatnya. Tapi sebenarnya ini adalah natijah dan padah daripada 22 tahun pemerintahan Dr. Mahathir. Dalam zaman Dr. Mahathir mana boleh orang berfikir lain daripada apa-apa yang dia fikirkan. Saya bagi satu contoh yang paling



...seorang ketua setiausaha negara memberitahu katanya, “Kita di sini tidak perlu berfikir. Kita hanya perlaksana. Menteri-menteri akan tentukan, kabinet akan tentukan dasar apa semua. Kita cuma melaksanakannya saja. Jangan dipersoalkan.”

mudah, pertukaran bahasa pengantar daripada bahasa Melayu ke bahasa Inggeris untuk Sains dan Matematik.

Kita mengagung-agungkan sains itu penting, matematik itu penting, tapi kita sendiri yang membuat keputusan tak melakukan itu. Dalam sains yang penting ialah eksperimen, dan mesti ada bukti secara empirikal. Tapi apabila kita nak laksanakan pertukaran bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris untuk Sains dan Matematik kita tidak lakukan itu.

Kita mesti lakukan misalnya *pilot project*. Eksperimenlah dulu 10 orang, 20 orang, 10 kelas, 20 kelas, 30 kelas, 10 sekolah, 20 sekolah, 30 sekolah. Sudah tengok hasilnya bagus, betul dan sebagainya, barulah laksanakan. Itulah kaedah yang betul, kaedah berfikir yang masuk akal. Tapi kita tak lakukan itu semua.

Dan apa yang jadi dengan pegawai profesional di kementerian? Apa yang jadi kepada ahli-ahli kabinet? Saya tahu, ada ahli MT (UMNO) yang tak setuju, kerana saya bercakap dan bertanya kepada mereka mengapa mereka bersetuju? Mereka kata mereka tak bersetuju. Tapi mereka sudah terlatih tidak bersuara di dalam kabinet, di dalam MT, begitulah jadinya.

Kita Di Sini Tidak Perlu Berfikir

Dulu, zaman dulu, zaman 1970-an dulu, semua dikongreskan. Kita nak lahirkan dasar pendidikan dikongreskan, nak lahirkan dasar kebudayaan dikongreskan, nak lahirkan Dasar Ekonomi Baru dikongreskan, semua dikongreskan. Ertinya ada *input* daripada rakyat. Rakyat diberi peluang untuk berfikir, menyuarakan dan sebagainya. Lepas itu tak ada lagi dah. Yang berfikir ini satu kumpulan tertentu saja.

Saya diberitahu oleh seorang pegawai tinggi kerajaan, pada satu waktu seorang ketua setiausaha negara memberitahu pegawai-pegawainya, pegawai tinggi kerajaan, katanya, “Kita di sini tidak perlu berfikir. Kita hanya perlaksana. Menteri-menteri akan tentukan, kabinet akan tentukan dasar apa semua. Kita cuma melaksanakannya saja. Jangan dipersoalkan.”

Ini budaya baru bagi Malaysia. Zaman-zaman dulu tak ada macam itu. Zaman Tun Razak, zaman Tunku Abdul Rahman dulu, pegawai kerajaan, pegawai-pegawai profesionalah – *engineer*, Pegawai Pendidikan, cukup berkuasa – dia menentukan. Kalau dia kata itu tak boleh dilaksanakan, ini masalah, memang akan diambil perhatian berat. Tapi sekarang dah tak ada lagi.

Saya terperanjat sebenarnya Dr. Mahathir terperanjat bahawa ahli-ahli Umno sudah jadi macam itu. Saya bagi satu contoh itu satu peristiwa waktu Dr. Mahathir nak lantik Tan Sri Sanusi Junid sebagai Menteri Besar Kedah. Sejumlah 22 ADUN Kedah protes. Ini dalam publik, dalam surat khabar semua jelas, hingga M. Noor Azam pun tulis dalam surat khabar, mengatakan “kalau Tan Sri Sanusi Junid dilantik juga sebagai MB Kedah, ertinya Umno tidak demokratik.” Itu besar *quotation* daripada M. Noor Azam dalam rencana dia.

Tapi apa jadi? Sanusi Junid dilantik juga. Lepas Sanusi Junid dilantik semua orang sokonglah. Pendapat individu sudah tak ada. Yalah sebagai parti mesti ada disiplin parti dan sebagainya, tapi proses membuat keputusan itu mestilah juga

berdasarkan pemikiran yang rasional, perdebatan, mesti ada logiknya.

Jadi saya kira apabila Dr. Mahathir terperanjat bahawa orang UMNO sekarang tak berani bercakap benar, itu saya ingat suatu perkara yang amat aneh. Bagi saya itu satu perkara yang amat luar biasa. Tapi bagaimana pun *Alhamdulillah*, pada akhirnya Dr. Mahathir apabila dia sudah menjadi rakyat biasa, dia sedar akan perkara itu semua. Saya sebenarnya amat suka kepada Dr. Mahathir sebagai seorang rakyat biasa, kerana dia menyuarakan pandangannya yang bebas.

Perbincangan Dalam Media Elektronik

Media massa kita sudah dibentuk sedemikian rupa. Tidak ada perbalahan, tidak ada perbincangan. Sebenarnya yang berlaku perbincangan sekarang ini di dalam media elektronik. Saya baca *Malaysiakini*, saya baca ruangan Raja Petra Kamarudin – *Malaysia Today*. Kalau *Malaysiakini* itu saya tengok amat bebas. Macam-macam dia tulis, dan tidak ada orang menjawabnya.

Malahan saya tengok, Pemuda UMNO tidak hadir dalam dunia siber ini. Saya tengok dalam ruangan-ruangan siber ini, setiap kali dia sebut UMNO dia gunakan perkataan *terrorist*, atau *racialist*. *Racialist* nombor satulah, tapi kadang-kadang dia sebut juga *terorist*, terutamanya sesudah Hishamuddin Tun Hussein buka keris tu. Tetapi saya tengok pihak Pemuda UMNO tidak pernah menjawab, tidak pernah menyertai perdebatan di dalam alam siber ni. Dalam perbincangan siber ini mereka tak ada. Ini suatu hal yang menghairankan juga.

Apa sudah jadi kepada mereka? Sedangkan mereka sebenarnya mempunyai pendidikan yang baik, dapat pendidikan dari universiti yang baik, boleh menguasai bahasa Inggeris – sepatutnya dunia siber ini medan merekalah. Tapi mengapa mereka tidak masuk dan mempertahankan diri dalam serangan-serangan yang begitu hebat? Kadang-kadang pukulannya terlalu kotor, kerana dia nak menguja orang-orang ini supaya masuk dan tampil menjawab. Tapi orang ini tak pernah tampil.

Saya kira ini satu masalah yang dihadapi, yang kita tak faham macam mana kita boleh meninggalkan ruang ini, satu ruang yang semakin hari semakin penting. Ini ditinggalkan sama sekali oleh golongan pemimpin muda UMNO.

UMNO sendiri tidak mempunyai minat nak menghapuskan rasuah. Kalau UMNO mempunyai minat, dia sudah hapuskan rasuah yang disebut dengan perkataan yang lunak 'politik wang'. Sebenarnya politik wang ini adalah *blatant corruption* – membeli undi.

Politik Wang Itu *Blatant Corruption*

Benda ini mempunyai kesan. Saya ingat, dulu kita anggap di Indonesia rasuah itu sudah jadi budaya. Kata bekas Wakil Presiden Indonesia, Hatta, rasuah sudah jadi budaya bagi orang Indonesia. Malahan pada suatu waktu saya hadiri persidangan antarabangsa, intelektual Indonesia juga seolah-olah memberi rasional kepada rasuah. Kalau mesin tidak diberi pelincir, tidak akan berjalan dengan lancar, katanya.

Tetapi pada hari ini saya tengok Indonesia agak serius mahu menghapuskan rasuah. Banyak tindakan diambil dan barangkali memakan waktu dua tiga generasi. Tapi sekurang-kurangnya ada hasrat itu. Tetapi di Malaysia amat terbatas tindakannya, walaupun harapan waktu Pak Lah mula-mula jadi PM dulu agak memuncak, bahawa rasuah akan dihapuskan atau sekurang-kurangnya dikurangkan. Tapi angka tentang perlakuan rasuah di Malaysia tak berubah. Saya ingat jumlahnya berubah, tapi kedudukan kita di antara negara-negara yang rasuah tak berubah. Masih begitu juga.

Salah satu daripada sebabnya, kalau kita berfikir secara logik, ialah UMNO sendiri tidak mempunyai minat nak menghapuskan rasuah. Kalau Umno mempunyai minat, dia sudah hapuskan rasuah yang disebut dengan perkataan yang lunak 'politik wang'. Sebenarnya politik wang ini adalah *'blatant corruption* – membeli undi.

Saya bercakap dengan Datuk Sulaiman Mahbob, Pengarah Integriti Nasional, kawan baik saya. Dia kata, orang UMNO ni dia tak faham, kalau dia ambil duit kemudian dia

tak bagi undi, itu tidak rasuah. Ia jadi rasuah apabila dia ambil duit dan dia bagi undi. Jadi, orang Kelantan pandai, dia ambil duit, dia tidak bagi undi, itu tidak rasuah.

Saya tertarik dengan satu perbandingan yang dibuat oleh seorang anak muda. Dia kata UMNO ini sudah jadi satu pulau bebas cukai, dari segi rasuah. *You* masuk dalam pulau itu *you* bebas daripada rasuah, seperti orang bebas daripada cukai, *you* boleh buat apa sahaja.

Jadi selagi UMNO tak berani panggil BPR masuk dan bersihkan UMNO sendiri, saya kira selagi itulah rasuah tidak akan dapat diselesaikan, kerana *barometer* menentukan bahawa kerajaan serius atau tidak serius memerangi rasuah ialah di situ. Kalau kerajaan betul-betul serius dia mesti bersihkan orang dia sendiri. Kalau kawan itu dapat pangkat, dapat kedudukan, dapat jawatan kerana dia rasuah, sudah tentu dia tidak boleh menjalankan tugas dengan betul. Dia terpaksa balas budi orang itu dan macam-macam lagilah.



...kita kalau nak berniaga kalau tidak beri rasuah memang tak boleh. Tak akan dapat apa-apa lesen pun kalau tidak beri rasuah. Mesti beri rasuah dulu baru dapat. Itu persepsi rakyat. Kita sudah sampai pada peringkat yang amat teruk dari segi rasuah. Rakyat tak percaya pada pemimpin.

UMNO Sendiri Tak Percaya Rukun Negara?

Jadi, pulau yang bebas rasuah ini menimbulkan masalah. Saya bercakap dengan anak muda ini, dia kata kalau macam itu macam mana kita nak hapuskan rasuah? UMNO sendiri tidak percaya kepada Rukun Negara. Tiap-tiap kali pemimpin cakap Rukun Negara-Rukun Negara. Rukun Negara yang ketiga itu *Rule of Law*. UMNO sendiri tidak percaya kepada *Rule of Law*. Ini pendapat anak muda ini. Dia ini orang yang kita dah didik, bagi dia pelajaran, dan dia kritikal.

Bahawa dia kritis itu adalah satu kejayaan kita. Dalam sistem pendidikan ini kita lahirkan manusia-manusia yang kritis, yang boleh berfikir. Dia ini berfikir dan dia kata macam itu. Lepas itu, katanya... saya pun tak tahulah, sudah berapa lama saya tak campur dengan pilihan raya Majlis Pelajar... tapi kata mereka itulah yang berlaku sekarang. Di peringkat itu pun, pemikiran pelajar-pelajar yang bertanding ini: *winning is everything*.

Mereka mesti menang. Tidak kira apa caranya. Kerana itu terpaksa gunakan duit, atau tekanan sana tekanan sini, ancam sana ancam sini, pun tak apa, asal menang. Kalau sudah menang baru ada kuasa. Kalau tak ada kuasa tak boleh buat apa-apa. Jadi, ia sudah menurun – daripada satu parti, daripada universiti.... Jadi apa harapan kita pada generasi akan datang? Ada harapankah?

Kebobrokan ini, rasuah yang berlaku di sini, amat luar biasa. Datuk Hassan Ahmad bercerita, kawan dia seorang Cina kata – orang Melayu cukup berani, dari segi rasuah. Pasal apa? Dia kata, kalau orang Cina, bila sampai soal-soal tok pekong ini dia tak berani nak campur. Dia tak berani nak rasuah, tak berani nak usik-usik tok pekong ini, kerana dia punya *sui* tu teruk sangatlah akibatnya. Tapi orang Melayu – Tabung Hajikah, Bank Islamlah dia tak kira, semua dia kebas.

Jadi, itu imej orang Cina terhadap orang Melayu. Punya rakusnya orang Melayu ini, dah tak ada tabik kecuali lagi. Agama pun dia tidak takut.

Ini masalah yang sudah menular di mana-mana, jadi kanser. Dan cara berfikir kita, tidak melihat kepada puncanya, sumbernya. Dia mesti daripada atas sendiri. Kalau kita betul-betul nak kurangkan rasuah, kita mesti fikirkan sumbernya. Di mana sumbernya? Pegawai kerajaan berani lakukan rasuah kerana ada pemimpin lebih atas yang berani.

Rakyat Sudah Tak Percaya Pemimpin

Pada hari ini orang sudah tidak percaya. Ini tidak semestinya betul, tetapi dalam media massa, persepsi orang ramai itu betul. Kalau orang ramai fikir bahawa negara mengalami masalah kewangan, benda itu terjadi betul, kerana dari segi psikologinya *consumer confidence* tidak ada. Orang tak akan beli barang, orang akan simpan duit, orang tak belanja, kerana dia tahu keadaan akan merosot. Tapi kalau orang percaya bahawa ekonomi akan bertambah baik, orang akan belanja. Semuanya bergantung kepada persepsi masyarakat.

Persepsi masyarakat pada hari ini, kalau tanya pada rakyat jelata, dia kata – kita kalau nak berniaga kalau tidak beri rasuah

Cara kita menangani sesuatu isu itu bergantung kepada cara berfikir kita. Cara berfikir kita ini amat lemah. Kita terlalu banyak menggunakan kuasa daripada menggunakan logik. Kita rasa benda ini kita lakukan begitu saja, dan orang mesti terima.

memang tak boleh. Tak akan dapat apa-apa lesen pun kalau tidak beri rasuah. Mesti beri rasuah dulu baru dapat. Itu persepsi rakyat. Kita sudah sampai pada peringkat yang amat teruk dari segi rasuah. Rakyat tak percaya pada pemimpin.

Macam mana, saya bekerja berpuluh tahun nak beli sebuah Mercedes pun tak terfikir, tapi banyak pegawai-pegawai sekarang dengan mudah saja dapat beli Mercedes. Sepatutnya tiap-tiap seorang menteri dan pegawai kerajaan mesti isytiharkan aset dia. Berapa aset dia ada, dan macam mana dia boleh buat rumah yang besar itu? Dari mana dia dapat duit?

Saya kalau saya jual rumah saya sekarang ini, saya nak beli sendiri dah tak mampu. Rumah yang sama saya dah tak mampu nak beli, sebab waktu saya beli dulu harganya murah.

Jadi, setiap seorang yang ada aset itu mestilah membuktikan macam mana dia boleh ada aset begitu. Selagi kita tak boleh buat macam itu, tak berani buat macam itu, kita cakap banyak pun tentang rasuah saya ingat tak akan berubah.

Cara kita menangani sesuatu isu itu bergantung kepada cara berfikir kita. Cara berfikir kita ini amat lemah. Kita terlalu banyak menggunakan kuasa daripada menggunakan logik. Kita rasa benda ini kita lakukan begitu saja, dan orang mesti terima.

Kenapa Malaysia *Truly Asia*?


Kita kata Malaysia ini luar biasa – kita ada Deepa Raya, ada Kongsi Raya, ada Krismas Raya. Kalau kita tengok hari raya ini semua di Mega Mall atau di mana-mana, lebih hebat daripada hari raya Islam. Tidak ada negara lain yang seperti kita. Di Taiwan misalnya, Christmas pun tak cuti. Di sini Hari Wesak pun kita cuti dan sebagainya.

Juga tidak ada negara lain dimana sekolah dalam bahasa Tamil dan bahasa Mandarin dibiayai oleh pemerintah. Tidak ada di luar negeri China, dan di luar negeri India. Di Singapura pun tak ada. Ini Malaysia punya istimewa. Luar biasa Malaysia ini. Saya tak kata ini semua salah. Boleh jadi betul, berdasarkan sejarah kita dan sebagainya.

Dari segi perkongsian kuasa dalam politik, barangkali tidak ada negara lain yang berjaya seperti kita. Kita mempunyai prasarana yang bagus, jalan raya kita bagus kalau dibandingkan dengan negara-negara Asia lain, yang besar atau yang kecil. Keharmonian hubungan kaum kita baik, sejak tahun 1969 tidak ada pergaduhan ras atau agama. Pergaduhan agama boleh dikatakan tak ada di Malaysia.

Tetapi saya pelik, apa pasal kita semua ini luar biasa – kita bangga Malaysia, malah roti canai kita pun luar biasa, nasi lemak kita luar biasa, teh tarik kita luar biasa, tapi apa pasal apabila kita buat semboyan untuk menarik orang datang ke negara kita, kita kata *Truly Asia*? Tidak *Uniquely Malaysia*, atau *Truly Malaysia*. Mengapa kita identifikasikan diri kita dengan negara-negara Asia lain, yang lebih teruk daripada kita? Mengapa? Ha! Ini cara kita berfikirilah.

Sepatutnya kita mengatakan diri kita ini *Truly Malaysia*, atau *Genuinely Malaysia*, atau *Exquisitely Malaysia*, atau *Uniquely Malaysia*. Tapi mengapa kita sesudah kita kata kita ini istimewa dan sebagainya, logik kita ialah *Truly Asia*,



sedangkan negara-negara Asia itu banyak yang lebih bobrok lagi? Mengapa? Ha! Inilah satu lagi contoh cara berfikir kita yang tak betul dari segi logiknya.

Pensyarah Boleh Diambil Tindakan Kerana Disyaki

Sekarang semua pensyarah di universiti mesti tandatangan Akujanji. Ada dua klausa dalam Akujanji itu yang saya rasa *objectionable*, tidak layak dikenakan kepada pensyarah. Kita anggap pensyarah ini orang yang pandai, yang boleh berfikir sendiri, merekalah sepatutnya membimbing orang muda-muda supaya berfikir.

Yang pertama dikatakan kita mesti patuh kepada semua peraturan universiti yang ada dan peraturan universiti yang akan dibuat. Siapa tahu peraturan yang akan dibuat? Saya, peraturan yang ada hari ini saya setuju. Tapi yang dia nak buat akan datang macam mana saya nak tandatangan pada hari ini? Itu sudah menggadaikan masa depan saya. Kalau saya berfikir secara logik saya tak akan tandatangan itu.

Yang keduanya, apabila saya tandatangani sebagai seorang ahli akademik, hak saya sudah kurang daripada hak seorang petani, seorang nelayan, atau seorang polis. Kerana apa? Salah satu klausanya mengatakan: Tindakan boleh diambil kalau saya disyaki melakukan sesuatu untuk kepentingan diri dan bertentangan dengan kepentingan universiti.

Disyaki! Hanya disyaki! *You* bayangkanlah. Petani dan nelayan pun tak boleh diambil tindakan dengan disyaki. Semua perkara mesti dibuktikan *beyond reasonable doubt*, baru boleh diambil tindakan. Tapi apabila *you* menjadi seorang pensyarah universiti, atas syak wasangka pun *you* boleh diambil tindakan.

Apakah logiknya? Logiknya ialah kita menempatkan, meletakkan pensyarah universiti itu lebih rendah daripada petani, nelayan dan polis. Ha! Itulah cara berfikir kita hari ini. Lepas itu, lepas kita dah buat itu semua kita bercakap berdegar-degar tentang universiti mesti jadi *world class*, nak bersaing dengan Universiti Oxford, dengan Universiti Cambridge, dengan Harvard, Yale dan sebagainya. Macam mana? Apa logiknya? Saya rasa mereka bercakap ini barangkali mereka tak faham apa yang mereka cakap.

Siapa Luluskan Cuti Pensyarah Universiti?

Banyak contoh di universiti ini yang saya rasa tak masuk akal. Akal biasa pun, tak perlu logik yang tinggi-tinggi. Misalnya pada hari ini kalau saya nak ambil cuti, siapa yang luluskan cuti saya? Kementerian Pendidikan Tinggi.

You bayangkan berapa belas universiti kita ada. Ada berapa tenaga pengajar? Berapa ramai pegawai dia nak kena sediakan untuk menguruskan itu? Bukankah membazir kerja?

Waktu saya jadi Timbalan Naib Canselor dulu, mulamulanya saya terpaksa sains... Kerja itu sebenarnya kerja Naib Canselor. Dia wakikan kepada saya. Kerja-kerja hari-hari ini memang Timbalan Naib Canselor buatlah. Naib Canselor waktu itu Ungku Aziz dia fikir yang besar-besar saja. Takkan kerja sains borang cuti pun dia nak buat. Sayalah buat. Jadi saya rasa ini kerja tak masuk akal.

Setiap kali saya nak sains borang itu saya kena telefon dekan dulu. "Ini Ketua Jabatan nak pergi cuti bolehkah tak boleh?" Dia kata boleh, baru saya sains. Kalau pensyarah nak cuti, saya kena tanya Ketua Jabatan. Jadi saya pun turunkan kuasa itu semua kepada Dekan dan Ketua Jabatan. Taklah saya nak sibuk dengan borang-borang cuti itu. Tapi sekarang, saya nak cuti kena hantar borang ke kementerian.

Logikkah itu? Masuk akalkah kita boleh buat begitu? Berapa ramai pegawai yang menguruskan itu. Berapa banyak membazir tenaga. Berapa lama dia perlu ambil masa? Borang mesti diserahkan 35 hari sebelum cuti. Kalau kita fikir nak majukan universiti ini sebagai *world class university*, kita mestilah tengok bagaimana *world class university* itu ditadbirkan.

Saya pernah mengajar di universiti di Amerika, pernah menjadi profesor, pernah duduk dalam pentad-biran fakulti dan sebagainya. Di universiti di Amerika itu dikatakan: *The bulk stops here. The bulk stops with the Vice Chancellor.* Di sana dipanggil Presiden. Ertinya Naib Canselor itulah orang terakhir yang membuat ke-putusan. Tak ada pergi ke atas-atas lagi. Malah kebanyakan Dekan pun boleh buat keputusan, nak melantik orang dan sebagainya.



Banyak contoh di
universiti ini yang saya
rasa tak masuk akal. Akal
biasa pun, tak perlu logik
yang tinggi-tinggi.
Misalnya pada hari ini
kalau saya nak ambil cuti,
siapa yang luluskan cuti
saya? Kementerian
Pendidikan Tinggi.

Pemikiran Kita Bercelaru Di semua Peringkat

Barangkali sekarang Naib Canselor kita pun sudah kurang kerja agaknya. Ada Naib Canselor sebuah universiti, kebetulan seorang pensyarah di universiti itu bercerita dan mengadu kepada saya, dia kata dia pergi kantin, dia bercakap-cakaplah di kantin itu yang dia tidak bersetuju dengan pertukaran bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar untuk mata pelajaran Sains dan Matematik.

Tapi tiba-tiba pada suatu hari dia dipanggil oleh Naib Canselor. Di dalam biliknya masa pertemuan itu, Naib Canselor itu berkata kepadanya, "Di sini *you can't have your own opinion.*"

Dia ini seorang yang berkelulusan Ph.D dari sebuah universiti di Amerika. Dia kata, "Bagaimana ni, *you can't have your own opinion?* Ini universitakah bukan?"

Jadi perkara tak boleh berfikir ini sudah menular tiadk saja di kalangan pelajar dan pensyarah malahan hingga ke peringkat Naib Canselor. Tak boleh berfikir sendiri. Yalah orang kata ini peraturan, kena ikut, tak apalah. Tapi janganlah kata *you can't have your own opinion.*

Kalau pensyarah tak boleh ada pandangan sendiri, baik jadi tukang sapu sampah sajalah. Bila orang suruh sapu, sapulah.

Naib Canselor seperti ini sepatutnya dia jadi Pengarah *Special Branch*, pasal *network*-nya bagus. Orang bercakap di kantin pun sampai kepada dia.

Ada seorang lagi Naib Canselor. Kawan saya ini suka pakai ketayap apabila pergi sembahyang Jumaat. Saya pun pakai ketayap apabila pergi sembahyang Jumaat. Kalau saya pakai sut baju Melayu itu saya pakai songkok hitamlah. Kalau saya pakai sarung, saya pakai ketayaplah. Itu memang biasalah, daripada saya kecil-kecil lagi saya memang macam itu. Jadi, dia ini dipanggil oleh Naib Canselor, kerana pakai ketayap.

Sebab itu saya kata, sekarang Naib Canselor sudah kurang kerja. Kerja sains borang cuti pun tak boleh, dia carilah kerja-kerja lain. Orang pakai ketayap pergi masjid pun dia marah. Tak boleh.

Saya ingat pemikiran kita sudah bercelaru di semua peringkat. Tidak boleh lagi berfikir dengan jelas, apa sepatutnya dia buat, apa tugas dia dan sebagainya. Bila orang ambil separuh tugas dia, dia pun buat kerja-kerja tak penting ini.

Universiti Sebagai Benteng Budaya Berfikir

MASA: Budaya berfikir ini Prof. sepatutnya di universitilah tempatnya. Universiti sepatutnya menjadi benteng kepada itu tetapi kenapa universiti tak boleh jadi begitu?


PROF. A. BAKAR HAMID: Ia sepatutnya dari bawah, daripada sekolah. Seperti saya katakan, kalau dari sekolah p u n cikgu dah ajar budak ini mangga mesti masam, tak boleh manis, sampai ke atas itu sudah jadi kebiasaan. Kalau dia nak lulus dengan baik, dia mesti kata mangga masam, walaupun mangga itu ada yang masam dan ada yang manis, sampai di universiti, pelajar-pelajar yang masuk ini sudah jadi macam itu. Apalagi sekarang dengan segala peraturan yang dikenakan. Pensyarah pun hilang semangat untuk berfikir secara bebas, bagaimana fikirannya nak bercambah. Tapi di universiti sekarang fikiran pun tak bercambah lagi. Kalau nak buat yang lain daripada yang lain, itu amat banyak tekanannya, amat banyak masalah. Contoh yang saya sebut tadi *to have your own opinion* pun dah susah.

Dalam keadaan begitu apa yang boleh dibuat untuk mengembalikan semula budaya berfikir ini?

Pertama mestilah diberi sedikit kebebasan untuk menjalankan kegiatannya sendiri – dan pensyarah janganlah dikongkong dengan peraturan-peraturan kerajaan termasuk Akujanji dan sebagainya. Kita mesti betul-betul galakkan beri penghargaan dan beri tempat kepada kreativiti – orang yang boleh berfikir secara sendiri dan boleh menyatakan pendapat. Mesti ada ruang untuk itu. Sekarang ruang itu makin sempit.

Kita mengharapkan kepada pihak kepimpinan politik untuk melakukan itu. Tetapi trend yang kita nampak pimpinan politik tak akan beri kebebasan itu?

Itulah kita kena ketuk juga pintu. Nak dibuka atau tak dibuka itu bagi orang macam saya yang sudah berumur dekat 70 ini, dalam hidup saya, saya sudah pernah menikmati zaman kebebasan itu di universiti, awal-awal dulu.



Kalau pensyarah tak boleh
ada pandangan sendiri, baik
jadi tukang sapu sampah
sajalah. Bila orang suruh
sapu, sapulah.